

CETAK ROMPAK PRODUK OPTIK DI MALAYSIA: ANTARA TUNTUTAN SIVIL DAN SABITAN JENAYAH

AHMAD SHAMSUL ABD AZIZ

*Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang
Universiti Utara Malaysia*

ABSTRAK

Cetak rompak hasil karya filem, muzik dan perisian komputer di Malaysia bukanlah suatu masalah yang baru, malah ia menjadi semakin serius sejak akhir-akhir ini. Penghasilan teknologi yang canggih memungkinkan aktiviti cetak rompak ini lebih berleluasa terutamanya yang dirakam dalam bentuk digital menerusi cakera optik. Undang-undang telah digubal bagi mengawal aktiviti cetak rompak. Peruntukan undang-undang di dalam dua akta utama berkaitan masalah ini turut dibincangkan iaitu Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Cakera Optik 2000 terutama berhubung tuntutan sivil oleh hak cipta serta sabitan jenayah terhadap masalah cetak rompak.

ABSTRACT

Piracy in film, music and computer software in Malaysia is not a new phenomenon but it has deteriorated recently. Advanced technology has made piracy activities possible especially if it is recorded in digital optical disc. Law regarding this matter has been reviewed to curb the piracy activities. Provisions in Copyright Act 1987 and Optical Disc Act 2000 which relates to the problem will be discussed especially regarding the civil action manner and also the criminal conviction.

PENGENALAN

Masalah cetak rompak sudah berakar umbi di kebanyakan negara di dunia termasuklah Malaysia. Produk yang dihasilkan menerusi cakera optik dikatakan lebih mudah untuk dicetak rompak. Pada masa ini, lanun cetak rompak mengguna pakai teknologi peringkat tinggi untuk menghasilkan cakera optik cetak rompak di Malaysia dan kemudiannya produk tersebut boleh ditemui di pasaran dunia

(Yusman, 2002). Produk cetak rompak filem, muzik dan perisian komputer yang membanjiri pasaran mengakibatkan kerugian besar khususnya kepada pemunya hak cipta dan kepada negara secara amnya. Usaha awal yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini adalah dengan memperkenalkan Akta Hak Cipta 1987 dan menyertai Konvensyen Berne pada tahun 1990. Dengan menyertai Konvensyen Berne ini, semua karya seni dan sastera negara-negara anggota akan dilindungi hak ciptanya di Malaysia (IIPA Special 301 Report, 1999).

Cetak rompak merupakan satu pelanggaran kepada undang-undang hak cipta. Hak cipta adalah salah satu daripada bentuk harta intelek. Selain daripada hak cipta, terdapat beberapa lagi cabang bagi undang-undang harta intelek seperti undang-undang paten, undang-undang cap dagangan, undang-undang reka bentuk perindustrian, undang-undang petunjuk geografi dan undang-undang susun atur litar bersepadu (Khadijah & Shamsul, 2005). Pengertian harta di dalam undang-undang hak cipta haruslah dibezakan dengan harta benda bentuk fizikal (Stim, 2000; Garnett, James & Davies, 1999; Bainbridge, 1992). Hak milik sesuatu hak cipta adalah berbeza dengan hak milik sesuatu barangan hasil daripada hak cipta tersebut (Khaw, 2001). Oleh itu, seorang pembeli memiliki hak milik terhadap harta tetapi dia tidak boleh melakukan apa-apa terhadap barangan tersebut yang menyalahi undang-undang hak cipta seperti melakukan cetak rompak terhadap hasil karya tersebut.

Perlindungan terhadap setiap karya yang termaktub di bawah Akta Hak Cipta 1987 amat penting. Ini kerana seandainya sesuatu karya dengan sewenang-wenangnya dicetak rompak tanpa sebarang perlindungan diberikan kepada pemunya hak cipta, suatu masa nanti tiada pihak yang akan menerbitkan karya untuk masyarakat. Hal ini berikutan pemunya hak cipta tidak mendapat apa-apa pulangan kewangan daripada usaha dan titik peluh mereka. Apabila ini berlaku, maka tidak akan ada lagi perkembangan kebudayaan dan seni dalam masyarakat (Rohazar Wati, 1999). Laporan daripada Pertubuhan Antarabangsa Harta Intelek 2005 menyebut, produk cetak rompak karya filem di Malaysia masih menguasai 50% daripada pasaran manakala bagi produk cetak rompak muzik dan perisian komputer, masing-masing menguasai 52% dan 61% (perisian perniagaan) serta 91% (perisian hiburan) (IIPA Special Report, 2005).

Cetak Rompak Karya Filem

Malaysia telah dikenal pasti sebagai sumber utama bagi produk cetak rompak optik khususnya ke atas karya filem (Valenti, J., 1999). Produk

cetak rompak yang dihasilkan di Malaysia bukan sekadar untuk pasaran Asia malah dieksport ke seluruh dunia. Malaysia menjadi pembekal utama video cakera padat (VCD/DVD) cetak rompak filem bagi negara India, Indonesia, Filipina, Singapura, New Zealand serta Australia dan produk-produk ini turut diedar ke Afrika Selatan, Kanada dan ke seluruh Amerika Selatan dan negara-negara Eropah (IIPA Special 301 Report, 2001). Laporan yang sama turut memberi senario cetak rompak yang dihasilkan di Malaysia. Sebagai contoh, tayangan perdana serentak ke seluruh dunia filem James Bond *"The World Is Not Enough"* dibuat pada 19 November 1999 dan keesokan harinya VCD cetak rompak filem yang dikenal pasti melalui ciri-ciri yang dikesan pada optik berkenaan dilakukan di Kuala Lumpur sudahpun diedarkan di negara ini. Sehari kemudian, VCD cetak rompak ini sudah berada di pasaran India dan Pakistan. Dalam masa lima hari VCD keluaran yang serupa telah membanjiri pasaran Hong Kong, manakala seminggu selepas dicetak rompak ia berjaya menguasai pasaran Bangkok. Dalam masa sepuluh hari VCD cetak rompak ini berada di Manila dan tidak sampai dua minggu dari tarikh ia dicetak rompak VCD ini telahpun berada di Beijing. Perkara ini amat membimbangkan kerana filem-filem Hollywood seperti ini seharusnya mendapat perlindungan di negara kita kerana Amerika Syarikat juga merupakan salah satu daripada negara Konvensyen Berne.

Produk hasil karya filem yang dicetak rompak berleluasa di pasaran kerana didorong oleh harga yang ditawarkan murah serta ia dijual secara meluas. Produk cetak rompak boleh diperolehi dengan harga yang jauh lebih murah daripada produk yang original. Sekeping VCD filem cetak rompak dijual dengan harga RM3.50 hingga RM5.00 berbanding dengan VCD original berharga antara RM29.90 hingga RM49.90. Produk cetak rompak juga mudah didapati sama ada di pasar malam atau pusat membeli belah. Keadaan ini memudahkan pengguna memperoleh bahan cetak rompak yang terkini dengan cepat. Ini terbukti apabila tiga hari selepas tayangan filem Hollywood *"Star Wars Episode 1: The Phantom Menace"* ditayangkan di Amerika Syarikat, versi cetak rompak filem tersebut sudah pun dipasarkan di Kuala Lumpur. Begitu juga nasibnya dengan filem tempatan *"Pasrah"* yang turut menerima nasib yang sama apabila edisi cetak rompaknya dipasarkan sehari selepas filem tersebut ditayangkan di pawagam (Ellis, 2000). Harga tiket menonton filem di pawagam yang agak tinggi juga merupakan salah satu faktor yang memungkingkan pembelian VCD cetak rompak ini mendapat sambutan yang menggalakkan.

Masalah cetak rompak dilihat amat serius. Sehubungan itu, sejak tahun 2002, pihak kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah melancarkan pelbagai kempen secara

besar-besaran untuk membanteras kegiatan cetak rompak serta menambahkan bilangan penguatkuasa khusus bagi tujuan ini. Ini menunjukkan komitmen kerajaan yang tinggi dalam menghapuskan cetak rompak.

Cetak Rompak Karya Muzik

Cetak rompak juga merupakan masalah paling besar dalam industri muzik pada hari ini. Setiap dua daripada lima cakera padat (CD) muzik yang terjual di seluruh dunia adalah produk cetak rompak (Yusman, 2002). Cetak rompak muzik di Malaysia menguasai 50% daripada pasaran (IFPI, 2003). Malaysia juga menjadi salah sebuah negara pengeluar utama CD muzik cetak rompak. Hasil tangkapan yang dibuat di London, Brazil dan Australia mendapati bahawa CD cetak rompak tersebut dihasilkan di Malaysia (IIPA Special Report 301, 1999). CD cetak rompak yang dihasilkan di Malaysia diedar di seluruh Asia, Amerika Latin dan Eropah (IIPA Special Report 301, 2001).

Cetak rompak media optik hasil karya muzik menjadi dominan di Malaysia kerana produk original dijual dengan harga yang agak tinggi. Satu kajian yang telah dibuat oleh *National Association of Recording Merchandisers* (NARM) menunjukkan amat sukar bagi seorang pengeluar untuk menjual sesuatu karya muzik dengan harga yang murah memandangkan kos yang harus ditanggung dalam pengeluaran sesuatu produk original. Untuk menghasilkan sesuatu karya yang bermutu dan berkualiti, ia memerlukan kepada kos yang tinggi. Aktiviti cetak rompak semakin meluas kerana dengan perkembangan teknologi yang kian canggih, sesuatu karya muzik sekiranya ingin dicetak rompak tidak perlu lagi dibuat di dalam kilang yang khusus bahkan boleh dirakam rompak melalui kaedah muat turun melalui internet. Perkembangan muzik melalui MP3 juga menyumbang ke arah berleluasanya cetak rompak cakera optik (NARM, 2002).

Kajian berkaitan cetak rompak "*Copyright Piracy in India*" yang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan, Kerajaan Negara India pada tahun 1999 mengenal pasti cetak rompak dalam industri muzik terdiri daripada tiga format. Pertama lagu-lagu daripada pelbagai album dirakam semula dalam satu CD tanpa kebenaran. Lagu-lagu ini dirakam pada cakera padat kosong. Kebanyakan peminat muzik tempatan meminati kesemua lagu popular dirakam dalam satu album. Lanun cetak rompak berjaya memasuki pasaran dengan mencipta permintaan lagu-lagu popular. Kedua, barangan palsu seperti produk tiruan adalah sama seperti yang tulen termasuk harga dan rupa bentuk album. Pengguna hanya mengetahui produk adalah tiruan apabila

mula menggunakannya. Kategori ketiga ialah *bootlegging* iaitu rakaman persembahan artis yang dirakam tanpa kebenaran karyawan tersebut (Government of India, 1999).

Cetak Rompak Perisian Komputer

Masalah cetak rompak perisian komputer di Malaysia merupakan suatu perkara yang serius. Business Alliance Report (BSA) melaporkan, negara kita mengalami kerugian menerusi aktiviti cetak rompak perisian komputer ini sebanyak RM319 juta pada tahun 1999 berbanding RM301 juta pada tahun 1998 (BSA, 2000). Malaysia memberi sokongan penuh terhadap perkembangan bidang teknologi maklumat sebagai penjana enjin pertumbuhan ekonomi negara seperti mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Walau bagaimanapun, projek ini akan menghadapi laluan sukar sekiranya masalah cetak rompak perisian tidak diatasi. Ini berikutan keengganan syarikat-syarikat pembangunan perisian menyertai dan menjayakan MSC.

Cetak rompak perisian komputer bermaksud penyalinan secara haram perisian tersebut dengan menggunakan sebarang cara. Apabila perisian itu dibeli oleh pengguna, hanya satu salinan perisian itu boleh disimpan di dalam cakera keras (*hardware*) atau cakera liut (*CD-Rom*). Pengguna tidak dibenarkan menyalin salinan asal ke dalam cakera keras komputer lain tanpa kebenaran pengaturcara perisian tersebut. Apa yang sebenarnya dibeli oleh pengguna bukannya sekadar dalam bentuk material tetapi lebih merupakan dalam bentuk lesen penggunaan.

Perisian komputer yang dicetak rompak dalam bentuk cakera optik dijual berleluasa di Malaysia. Ia dijual dengan harga yang begitu murah sekali berbanding yang asli. Jenis-jenis perisian yang ada di pasaran termasuklah (Copyright FAST, 2001):-

Domain Awam

Perisian yang boleh digunakan oleh mana-mana pihak. Ia boleh disalin dan digunakan oleh sesiapa jua tetapi pihak yang menyalin tidak boleh mengaut keuntungan ke atas perisian tersebut. Perisian ini ditulis oleh pengaturcara dan diedarkan secara percuma kepada orang ramai. Kebanyakan perisian jenis ini mudah didapati menerusi Internet.

Freeware

Freeware mempunyai fungsi yang sama dengan Domain Awam di mana perisian ini boleh digunakan oleh sesiapa sahaja. Istilah ini

digunakan pada masa kini manakala istilah domain awam digunakan pada tahun 80-an.

Cardware

Istilah ini digunakan oleh pengaturcara yang mahukan maklum balas daripada pengguna. Ianya sama dengan perisian domain awam dan *freeware*. Apa yang membezakannya ialah pengaturcara mahukan pengguna memberikan maklum balas menyatakan komen tentang perisian tersebut. Perisian seperti ini cuma berfungsi sebagai pengenalan kepada pengguna.

Shareware

Perisian *shareware* adalah perisian percubaan. Ia boleh disalin dan digunakan oleh mana-mana pihak dalam tempoh percubaan yang telah ditetapkan oleh pengeluarinya, biasanya dalam tempoh 30 sehingga 3 bulan. Apabila tempoh percubaan hampir tamat, kebanyakan perisian akan menguarkan " *nag screen* " mengingatkan pengguna membeli atau mendaftar untuk menggunakan perisian tersebut. Sekiranya pengguna tidak mahu menggunakan atau membeli perisian tersebut setelah tempoh percubaan, pengguna dikehendaki memadamkan perisian tersebut atau dalam banyak keadaan, perisian tersebut tidak berfungsi lagi. Perisian *shareware* ini dikeluarkan sebelum perisian versi komersial dikeluarkan. Ia bertujuan untuk memperkenalkan produk kepada pengguna memberi peluang untuk mengetahui ianya berfungsi dengan baik di komputer pengguna sebelum ianya dibeli.

Versi Komersial

Versi komersial ialah perisian yang dalam bentuk lengkap dan penuh. Versi ini ialah versi yang selalunya dicetak rompak oleh lanun cetak rompak. Perisian versi ini biasanya dibeli di kedai-kedai. Pengguna haruslah mendaftar dengan pengaturcara untuk mendapat khidmat sokongan. Khidmat sokongan tidak diberikan kepada perisian cetak rompak.

UNDANG-UNDANG MEMBANTERAS CETAK ROMPAK

Karya yang berhak mendapat perlindungan menurut seksyen 7(1) Akta Hak Cipta 1987 adalah karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran. Akta Hak Cipta 1987 digubal antara lain bertujuan untuk memberi perlindungan terhadap karya asli yang ditulis, dicipta atau direkod seperti yang termaktub dalam seksyen

7(3)(a)(b). Cetak rompak merupakan satu bentuk salinan langgaran kepada hak cipta. Ia melanggar hak ekonomi pemunya. Seksyen 13(1) Akta Hak Cipta 1987 memperuntukkan hak eksklusif seorang pemunya karya sastera, muzik atau seni, filem, rakaman bunyi atau karya terbitan untuk mengawal dalam Malaysia sebarang pengeluaran semula dalam apa-apa bentuk bahan, penyampaian pada orang awam, pertunjukkan, tayangan atau permainan kepada orang awam, pagedaran salinan-salinan kepada orang awam melalui penjualan atau pemindahan pemunyaan secara lain; dan penyewaan secara komersil kepada orang awam lain.

Menurut Akta Hak Cipta 1987 salinan langgaran adalah pengeluaran semula apa-apa karya yang layak mendapat hak cipta dan pembuatannya menjadi suatu pelanggaran hak cipta mengenai karya itu. Ini termasuk apa-apa artikel yang diimport ke dalam negara kita tanpa persetujuan pemunya hak cipta. Seksyen 36 (1) Akta Hak Cipta 1987 menyatakan bahawa pelanggaran terhadap hak cipta berlaku apabila seseorang tanpa lesen pemunya hak cipta itu, melakukan atau menyebabkan seseorang lain melakukan satu perbuatan yang dilarang oleh Akta Hak Cipta 1987. Di dalam kes *Class One Video Distributors Sdn. Bhd. lawan Chanan Singh a/l Sher Singh* [1997] 3 MLJ 209, pihak plaintif mempunyai hak ke atas dua buah filem tempatan yang bertajuk "Putera" dan "Sembilu". Defendan memiliki pita asal kedua-dua filem tersebut dan telah menyewakan filem-filem tersebut tanpa lesen atau permit daripada pihak plaintif. Isu dalam kes ini adalah sama ada tindakan menyewakan salinan filem asal ini membawa kepada pelanggaran hak cipta di bawah seksyen 36(1) serta seksyen 13(1) Akta Hak Cipta 1987. Mahkamah memutuskan bahawa terdapat pelanggaran hak cipta dan merujuk kepada salinan tersebut sama ada sah atau sebaliknya.

Di bawah seksyen 41(1) Akta Hak Cipta 1987 pula menyenaraikan perlakuan yang diklasifikasikan sebagai suatu kesalahan dalam hak cipta. Perlakuan ini termasuklah membuat untuk jualan atau sewaan apa-apa salinan langgaran, menjual, mengedarkan, mendedahkan atau menawarkan untuk dijual atau disewakan apa-apa salinan langgaran serta memiliki salinan langgaran tersebut melainkan bagi kegunaan persendirian atau domestik. Kegunaan persendirian atau domestik menurut subseksyen (2) peruntukan ini adalah tidak boleh tiga atau lebih salinan langgaran bagi satu karya yang sama. Kegunaan domestik dan persendirian ini juga membawa erti ianya tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud perdagangan. Kuasa tambahan untuk membanteras cetak rompak cakera optik ini turut diberi menerusi Akta Cakera Optik 2000.

Bagi cetak rompak perisian komputer, definisi perisian komputer ini tidak terdapat dalam Akta Hak cipta 1987. Di dalam seksyen 3 Akta Hak cipta 1987 menyatakan karya sastera termasuklah: "... (h) program-program komputer."

Program komputer pula didefinisikan sebagai suatu ungkapan, dalam apa-apa bahasa, kod atau tata tanda bagi suatu set arahan (sama ada dengan atau tanpa maklumat berkaitan) dengan niat untuk menyebabkan suatu alat yang mempunyai kebolehan pemrosesan maklumat untuk melakukan suatu fungsi tertentu sama ada secara langsung atau selepas salah satu atau kedua-dua perkara berikut:

- a) penukaran ke bahasa, kod atau tata tanda lain
- b) pengeluaran semula dalam bentuk bahan yang lain

Menurut kes *Creative Purpose Sdn. Bhd. dan lain-lain lawan Intergrated Corporation dan lain-lain* [1997] 2 MLJ 429, mahkamah memutuskan bahawa program perisian komputer dilindungi oleh seksyen 3 Akta Hak Cipta 1987 harus dibaca meluas termasuk kesemua manifestasi set arahan yang boleh dibaca oleh komputer dalam apa-apa bentuk yang telah diubahsuai. Akta Hak Cipta 1987 juga memberi perlindungan kepada karya yang dihasilkan oleh komputer. Bentuk-bentuk pelanggaran yang dinyatakan di bawah Akta Hak Cipta 1987 termasuklah:

- a) penyalinan atau peniruan
- b) mengeluarkan salinan kepada awam
- c) membuat adaptasi
- d) memintasi apa-apa langkah teknologi
- e) pembuangan pengurusan hak elektronik

Hak cipta program komputer tidak dianggap dilanggar dengan pengeluaran semula karya itu atau program komputer sebagai suatu penyesuaian karya. Menurut seksyen 40(1) Akta Hak Cipta 1987 jika:

- a) pengeluaran semula itu dibuat oleh, atau bagi pihak tuan punya salinan itu dari mana pengeluaran semula dibuat; dan
- b) pengeluaran semula dibuat bagi maksud digunakan oleh atau bagi pihak pemilik salinan asal sahaja, sebagai ganti salinan asal itu hilang, musnah atau tidak digunakan.

Pengecualian seksyen 40(1) Akta Hak Cipta 1987 ini tidak terpakai bagi pembuatan suatu pengeluaran semula program komputer atau penyesuaian program komputer itu daripada salinan langgaran program komputer itu atau berlawanan dengan arahan nyata oleh atau

bagi pihak pemilik hak cipta. Pelanggaran hak cipta merupakan suatu pencerooban terhadap domain persendirian dan ianya harus dilindungi oleh undang-undang.

TUNTUTAN HAK PEMUNYA KARYA

Tuntutan Sivil

Tindakan sivil boleh diambil oleh pemunya karya apabila hasil karyanya dicetak rompak. Remedi bagi pelanggaran hak cipta adalah ganti rugi, perintah injunksi serta mengemukakan akaun keuntungan. Seksyen 37(1) Akta Hak Cipta 1987, tindakan terhadap sesuatu pelanggaran hak cipta boleh diambil atas guaman pemunya hak cipta itu dan dalam apa-apa tindakan dengan pelanggaran tersebut, semua relif dengan cara ganti rugi, injunksi, akaun atau sebaliknya, hendaklah tersedia bagi plaintif sebagaimana ianya tersedia dalam apa-apa prosiding yang bersamaan berkenaan dengan pelanggaran hak-hak lain sebagai pemunya.

Ganti Rugi

Untuk menilai ganti rugi ini, ia bergantung kepada nilai sesebuah karya yang telah di cetak rompak itu. Dalam kes *Interfirm Comparison (Australia) Pty Ltd lawan Law Society of New South Wales* (1975) 6 ALR 445, Hakim Bowen menerangkan bahawa adalah sukar untuk menentukan jumlah ganti rugi bagi sebuah pelanggaran hak cipta. Jumlah pampasan bagi sebuah karya muzik yang belum diterbitkan adalah berbeza dengan sebuah karya yang sudahpun diterbitkan. Oleh demikian, sebelum sesuatu jumlah ganti rugi itu diputuskan, perkara-perkara seperti kerugian kepada jumlah jualan atau keuntungan yang boleh diperolehi akan diambil kira.

Perintah Injunksi

Perintah injunksi merupakan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah bagi menghalang pihak yang melakukan cetak rompak daripada meneruskan perbuatannya itu. Untuk memperolehi perintah injunksi, pemunya karya perlu membuktikan tiga perkara terlebih dahulu:

- a) sesuatu yang serius untuk dibicarakan.
- b) remedi ganti rugi berkemungkinan tidak mencukupi untuk kerugian yang dialami.
- c) keseimbangan kesesuaian.

Dalam kes *Television Broadcast dan lain-lain lawan Seremban Video Centre Sdn. Bhd.* [1985] 1 MLJ 171, perintah injunksi dikeluarkan apabila perlanggaran hak cipta berlaku di mana pita video yang dicetak rompak telah memberi kesan penjualan dan penyewaan pita video yang sah. Kes ini merujuk kepada Akta Hak Cipta 1969 dan Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Hak Cipta 1987. Manakala dalam kes *Dunia Muzik WEA Sdn. Bhd. & Anor lawan Koh Tay Eng* [1989] 2 MLJ 356, plaintif memohon perintah injunksi terhadap defendan yang dikatakan melanggar hak cipta plaintif kerana menjual album lagu yang tidak mempunyai pelekat “watermarks” plaintif. Plaintif mendakwa bahawa defendan mengeluarkan album-album tersebut tanpa kebenaran plaintif. Mahkamah membenarkan permohonan plaintif kerana defendan melakukan perlanggaran hak cipta.

Dikemukakan Akaun Keuntungan

Ianya merupakan relief yang diamalkan di negara-negara *common law* di mana segala akaun keuntungan hasil jualan daripada perlanggaran tersebut perlu dikemukakan kepada mahkamah dan mahkamah berhak menentukan berapa jumlah yang perlu diberikan kepada pengkarya atas kerugian akibat perlanggaran tersebut.

Selain daripada remedi yang telah dibincangkan ini, satu lagi perintah injunksi dikeluarkan oleh mahkamah adalah perintah *Anton Piller*. Bagi kes-kes jenayah yang disyaki, satu waran penggeledahan akan dikeluarkan untuk memeriksa dan mencari bahan bukti. Manakala bagi kesalahan sivil, perintah *Anton Piller* dikeluarkan dan hal ini terkandung dalam Aturan 24, Aturan 26 dan Aturan 29 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Perintah *Anton Piller* merupakan permohonan ex-parte. Kes pertama di Malaysia berhubung dengan perintah Anton Piller dalam kes hak cipta adalah *Television Broadcast Ltd. dan lain-lain lawan Mandarin Video Holdings Sdn. Bhd.* [1983] 2 MLJ 346. Dalam kes ini, TVB dan RTV telah menerbitkan siri television yang disiarkan di Hong Kong. Syarikat Golden Star diberi hak eksklusif untuk mengedarkannya dalam bentuk pita video. Walau bagaimanapun, pihak defendan merakam rompak siri tersebut dan dijual di pasaran terbuka dengan harga lebih murah. Pihak plaintif memohon perintah *Anton Piller* untuk mendapatkan bahan bukti. Pihak defendan menyatakan bahawa perintah tersebut tidak boleh dibuat oleh kerana ia merupakan hak bertentangan dengan tindakan mendedahkan diri atau *privilege against self-incrimination*. Hakim memutuskan bahawa kepentingan perintah *Anton Piller* adalah ianya dipenuhi dengan elemen ‘kejutan’ dan ini amat penting bagi kes-kes cetak rompak kerana jika tiada perintah ini, maka defendan boleh menghilangkan, menyembunyikan atau memusnahkan segala bahan bukti.

Di dalam kes *Peters Edition Ltd. lawan Renner Piano Co And Another Action* [1990] 1 MLJ 337, plaintif dalam kes ini mendapat perintah *Anton Piller* dan merampas barangan defendan. Oleh kerana barangan berkaitan adalah bercampur antara yang asli dan cetak rompak, plaintif merampas kesemua barangan tersebut. Defendan mengaku melanggar hak cipta plaintif tetapi menuntut ganti rugi atas barangan asli yang dirampas oleh plaintif.

Sabitan Jenayah

Tindakan jenayah boleh diambil oleh Penolong Pengawal atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor. Tindakan jenayah dikenakan apabila rampasan ke atas bahan-bahan cetak rompak dibuat. Peruntukan di bawah seksyen 41 Akta Hak Cipta 1987 menerangkan bentuk-bentuk kesalahan berhubung cetak rompak serta hukuman yang boleh dikenakan. Adalah menjadi satu kesalahan juga menurut seksyen 41(3) Akta Hak Cipta 1987 bagi mana-mana orang yang menyebabkan sesuatu karya filem atau karya muzik dipertunjukkan di hadapan awam melainkan ia dapat membuktikan bahawa pelaku bertindak dengan suci hati dan tiada niat untuk melakukan satu pelanggaran hak cipta. Pindaan terkini tahun 2003 kepada Akta Hak Cipta 1987 khusus untuk menangani masalah cetak rompak. Menurut peruntukan baru seksyen 50A Akta Hak Cipta 1987 (Pindaan 2003) menyatakan bahawa mana-mana Penolong Pengawal boleh membuat tangkapan tanpa waran terhadap pihak yang disyaki telah melakukan kesalahan hak cipta seperti dalam seksyen 41 Akta Hak Cipta 1987. Penolong Pengawal yang telah membuat tangkapan itu perlu segera membawa pihak yang melakukan kesalahan hak cipta itu kepada pegawai polis atau balai polis berhampiran.

Di bawah seksyen 48 Akta Hak Cipta 1987, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana pihak yang tidak membenarkan mana-mana Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor daripada mengakses atau memasuki mana-mana tempat bagi tujuan mendapatkan carian bahan bukti. Selain itu, mana-mana pihak yang menyerang, menghalang atau melengahkan sesuatu tindakan di buat serta enggan memberi maklumat berkaitan suatu kesalahan, tindakan memperdaya dan membuat pernyataan palsu kepada mana-mana Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor adalah bersalahan menurut Akta Hak Cipta 1987. Seksyen 52 Akta Hak Cipta 1987 pula merujuk kepada kesalahan yang dibuat oleh penguasa sendiri seandainya mendedahkan maklumat selain daripada melaksanakan fungsi-fungsi serta tugas-tugas yang ditetapkan. Mahkamah boleh

mengeluarkan waran di bawah peruntukan seksyen 44 Akta Hak Cipta 1987 sekiranya berpuas hati Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor tersebut ada alasan yang munasabah dan sekiranya waran tidak dikeluarkan bahan bukti mungkin akan dialihkan atau dimusnahkan. Namun begitu, mengikut proviso seksyen 41 Akta Hak Cipta 1987, penangkapan tanpa waran masih boleh dilakukan sekiranya Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor ada alasan yang kukuh bahawa kelewatan bertindak boleh menghapuskan bahan bukti.

Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek menurut seksyen 5(1) Akta Hak Cipta 1987, hendaklah bertindak sebagai Pengawal Hak Cipta. Kuasa menyiasat diberikan kepada Penolong Pengawal atau pegawai polis yang kedudukannya tidak rendah daripada Inspektor menurut kuasa yang diberikan oleh Akta ini atau perundangan subsidiari yang lain. Seksyen 53 Akta Hak Cipta 1987 menetapkan bahawa apa-apa prosiding jenayah boleh dijalankan oleh Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor. Peruntukan ini perlu dibaca bersama seksyen 377 Kanun Acara Jenayah untuk tujuan pendakwaan.

Sekiranya pihak yang dituduh disabitkan dengan kesalahan jenayah di bawah Akta Hak Cipta 1987, pindaan akta ini pada tahun 2003 menyatakan bagi remedi di bawah perenggan (i) seksyen 41 iaitu kesalahan membuat, menyewa, menjual, mengedar, memiliki selain untuk kegunaan domestik, mempamerkan kepada awam serta mengimport ke dalam Malaysia apa-apa salinan langgaran, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit. Untuk kesalahan kemudian, denda tidak kurang daripada empat ribu ringgit dan tidak melebihi empat puluh ribu ringgit.

Bagi penalti am, seksyen 43 Akta Hak Cipta 1987 memperuntukkan bahawa denda tidak kurang sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit serta penjara tidak melebihi lima tahun boleh dikenakan. Sementara itu, di bawah seksyen 41A Akta Hak cipta 1987 satu kompaun dikeluarkan oleh Pengawal atau Timbalan Pengawal bagi kesalahan yang boleh dikompaun dengan meminta orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk satu jumlah wang yang tidak melebihi jumlah sepertimana termaktub di dalam akta. Setelah menerima bayaran tersebut, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap pihak berkenaan.

Bagi mengawal aktiviti cetak rompak produk optik, Akta Cakera Optik 2000 turut diperkenalkan, seksyen 32 Akta Cakera Optik 2000 menyatakan bahawa setiap premis kilang akan diletakkan pegawai untuk memastikan tiada kegiatan cetak rompak dilakukan dan mana-mana pihak yang menghalang, merintang, menyerang atau mengganggu dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah akta ini adalah melakukan satu kesalahan. Penalti am yang dikenakan ke atas orang yang disabitkan kesalahan menurut seksyen 33 Akta Cakera Optik 2000 adalah tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya manakala seandainya dilakukan oleh pertubuhan perbadanan maka denda yang dikenakan lebih berat iaitu tidak lebih dua ratus lima puluh ribu ringgit. Setiap kesalahan kali kedua dan bagi tiap-tiap kesalahan seterusnya denda yang dikenakan adalah tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

KESIMPULAN

Pihak pemunya karya harus mengetahui hak mereka di bawah undang-undang hak cipta di Malaysia. Mereka boleh mengambil tuntutan sivil sekiranya hak cipta dilanggari. Remedi di bawah sivil memperuntukan sejumlah ganti rugi yang boleh diperoleh pemunya hak cipta atas karya mereka yang dicetak rompak. Seharusnya masalah cetak rompak ini tidak diserahkan beban untuk digalas oleh pihak penguatkuasa sahaja. Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa merupakan tindakan jenayah. Sifat semulajadi kesalahan yang disabitkan di bawah jenayah adalah menghukum pesalah. Bagi pihak mangsa dalam konteks ini iaitu pemunya hak cipta, tidak akan memperolehi apa-apa ganti rugi berhubung kesalahan tersebut. Oleh yang demikian, baik tuntutan sivil mahupun sabitan jenayah, kedua-duanya perlu diambil dalam membebaskan negara daripada dibelenggu masalah cetak rompak produk optik.

RUJUKAN

- Bainbridge, D. (1992). *Intellectual Property*. London: Pittman.
- Business Software Alliance (2000). BSA Global Piracy Study for 2000, terdapat di www.bsa.gov.
- Copyright FAST (2001). Software licensing & software theft, terdapat di www.fast.org.uk/law/licensing.asp.
- Ellis. (2000). Digital Underground. *Time Asia*, 156, 21.
- Garnett, James, & Davies. (1999). *Copinger and Skone James on Copyright*. London: Sweet & Maxwell.

- Government of India. (1999). Study on Copyright Piracy in India, terdapat di www.education.nic.in/htmlweb/cr_piracy_study/cpr4.htm.
- International Federation of the Phonographic Industry. (2003). IFPI Music Piracy Report 2001, terdapat di <http://www.ifpi.org>.
- International Intellectual Property Alliance. (1999). IIPA Special 301 Report, 1999, terdapat di http://www.iipa.com/rbc/1999/rbc_malaysia_301_99.html.
- International Intellectual Property Alliance. (2001). IIPA Special 301 Report, 2001, terdapat di http://www.iipa.com/rbc/2001/rbc_malaysia_301_01.html.
- International Intellectual Property Alliance. (2005). IIPA Special 301 Report, 2005, terdapat di http://www.iipa.com/rbc/2001/rbc_Malaysia_301_01.html.
- Khadijah Mohamed & Ahmad Shamsul. (2005). *Undang-Undang Harta Intelek di Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Khaw, L. T. (2001). *Copyright Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. (2000). *Akta Cakera Optik 2000 (Akta 606)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. (2000). *Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- National Association of Recording Merchandisers. (2002). Cracking the Value Code: An Early View, terdapat di www.narm.com.
- Rohazar Wati. (1999). *Undang-Undang Hak Cipta di Malaysia*. Kuala Lumpur: Tetapvest.
- Stim, R. (2000). *Copyright Law*. New York: Thompson Learning.
- Valenti, J. (1999). MPAA Identifies Malaysia as Hotbed of Intellectual Property Theft, terdapat di http://www.mpaa.org/jack/99/99_4_30.htm.
- Yusman. (2002). Syarikat Rakaman Punca Cetak Rompak. *MASSA*, 15-21 Jun, 38-39.